

SURAT PEKELILING
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
BILANGAN 1 TAHUN 2008

**PEMATUHAN PERATURAN WAKTU MAKAN/MINUM PAGI
SEMASA WAKTU BEKERJA**

1. Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan secara jelas peraturan waktu makan/minum pagi semasa waktu bekerja.
2. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan, didapati ramai pegawai dan kakitangan keluar untuk makan/minum pagi semasa waktu bekerja. Justeru itu, bagi tujuan pengawalan dan sebagai usaha penambahbaikan demi memastikan imej, produktiviti dan kredibiliti perkhidmatan awam sentiasa terpelihara, pentadbiran ini memutuskan agar peraturan yang dinyatakan selepas ini dipatuhi secara serius.
3. Waktu bekerja yang ditetapkan adalah sepertimana Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) setiap pegawai dan kakitangan iaitu bermula dari pukul 7.30 pagi hingga 5.30 petang.
4. Waktu rehat yang ditetapkan adalah dari pukul 1.00 petang hingga 2.00 petang bagi hari Isnin hingga Khamis manakala bagi hari Jumaat ialah dari pukul 12.15 tengahari hingga 2.45 petang.
5. Waktu makan/minum pagi setiap hari adalah dari pukul 10.00 pagi hingga 10.30 pagi.
6. Bagi kakitangan dan pegawai yang terlibat dengan perkhidmatan kaunter, Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan agar giliran waktu makan/minum pagi dilaksanakan tanpa menjejaskan atau mengganggu kualiti dan kelancaran perkhidmatan kaunter kepada pelanggan.

7. Ketua-ketua Jabatan adalah digalakkan menyediakan kemudahan ruang minum atau pantri di jabatan masing-masing.
8. Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan agar peraturan ini dipatuhi setiap masa. Pengawasan dan pengawalan yang berterusan hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang terlibat. Ketua-ketua Jabatan hendaklah bertanggungjawab terhadap pegawai dan kakitangan bawahannya dalam mematuhi peraturan ini.
9. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya dengan hormatnya,



(DATO' HAJI NORZAM BIN MOHD NOR)

Tarikh: 7 April 2008